

27/04/2003

Di sebalik kilau FFM-16

Yusof Haslam

FESTIVAL Filem Malaysia ke-16 (FFM-16) sudah berakhir pada 19 April 2003 lalu dengan filem KL Menjerit membuat impak besar. Lapan Anugerah dibolot oleh filem arahan Badaruddin Azmi (Bade) termasuklah kategori Pengarah Terbaik dan Filem Terbaik.

Kemenangan KL Menjerit agak memeranjatkan kerana ramai yang menjangka filem epik Embun paling layak. Selain itu Khatijah Tan yang telah memberikan lakonan berkesan dalam Embun dan menjulang anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik di pesta Filem Asia Pasifik yang lalu juga tewas. Apa pun itulah keputusan muktamad juri yang telah dibuat dan kita harus menghormatinya.

Saya mengucapkan tahniah kepada Bade (suami Erma Fatima) dan juga semua pemenang dalam segala kategori. Syabas! Teruslah berkarya mengikut prinsip dan kepercayaan masing-masing dalam mendaulatkan dunia filem Melayu.

Menang atau kalah bukanlah faktor yang menentukan kehebatan atau kelemahan seseorang penggiat filem. Bagi saya kemenangan adalah faktor motivasi untuk memperkasakan diri. Sementara yang tewas tidak semestinya berasa rendah diri. Yang penting terus semangat dan iltizam untuk terus berjuang.

Dalam apa saja perjuangan seperti yang pernah diucapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menang tidak akan memiliki semuanya dan yang kalah tidak bermakna hilang segala-galanya. Kata-kata yang lahir daripada pemimpin negara kita itu sentiasa saya jadikan panduan dalam perjuangan untuk sama-sama membina industri perfileman negara kita yang grafnya sentiasa terumbang-ambing dan tinggi risikonya.

Bagi saya dalam apa keadaan sekalipun filem tidak boleh lari daripada aspek seni dan komersial. Paduan dua asas ini amat penting sebagai nadi kesinambungan nafas perfileman negara mahupun di seluruh dunia. Inilah realiti yang tidak boleh ditolak.

Bagaimanapun, saya agak terkejut dengan rumusan yang dibacakan pengerusi panel juri di malam penutup FFM16, Datuk Jins Shamsudin. Antara lain beliau dengan emosi meluahkan kekesalan kerana filem kita terlalu tunduk kepada kehendak massa (penonton) pada hal filem harus membina minda dan menjana ilmu. Rata-rata karyawan filem muda yang ditemui berasa pelik dengan rumusan Dauk Jins itu.

Membina minda dan menjana ilmu memanglah diperlukan dalam semua jenis filem. Ini tidak boleh dinafikan dan memang disuntik dalam filem hari ini (bukan semua) tetapi jangan pula dibuang faktor untung rugi dari segi komersial kerana filem dibuat dengan memerlukan modal di samping kreativiti. Kenapakah aspek kehendak massa yang menjadi penyokong kepada usaha mengeluarkan filem itu mahu dipersoalkan? Apakah filem yang diterbitkan di era 70-an dan 80-an dulu tidak tunduk pada kehendak komersial seperti hari ini? Saya masih ingat siri "Esok" dalam filem Jins sendiri dibuat atas tuntutan khalayak. Apakah bezanya?

Sebagai seorang tokoh filem veteran, Datuk Jins Shamsudin (ketua panel juri) seharusnya membuat rumusan yang lebih relevan dan bersifat galakan kepada angkatan generasi baru. Dari pengamatan saya melalui festival lalu (sejak 1981) rumusan yang dibuat lebih kepada teguran membina di samping menyuntik semangat kepada semua karyawan filem untuk berusaha lebih gigih.

Kita akui masih banyak kelemahan yang perlu diperbaiki tetapi janganlah melemahkan semangat karyawan muda hari ini dengan meremehkan segala usaha yang telah mereka lakukan. Jika matlamat filem dibuat semata-mata untuk

memuaskan kehendak festival tanpa mengambil kira risikonya, maka akan berkuburlah dunia filem kita. Apakah ini yang kita mahu?

Dalam konteks Jins Shamsudin sendiri, saya yakin matlamat perniagaan menjadi dasar pembuatan filemnya dulu! Maknanya modal yang dilaburkan memerlukan pulangan. Kalau tidak terbengkalailah projek sesebuah filem. Sebagai contoh, filem Pasir Salak yang masih menjadi tanda tanya hingga ke hari ini. Sebagai orang filem yang lebih junior daripada Jins saya menghormatinya dan tetap mendoakan agar Pasir Salak akhirnya menjadi realiti dan bukannya tinggal sebagai rancangan saja. Sebenarnya ramai karyawan muda sedang menanti kelahiran Pasir Salak untuk menyaksikan kehebatan filem itu yang telah dirancang lebih 12 tahun lalu. Marilah kita bersama-sama mengangkat darjat filem Melayu jika kita betul-betul jujur mahu memperjuangkannya.

Membicarakan semula mengenai FFM16 selain Bade (pengarah KL Menjerit) saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahmad Idham kerana berjaya meraih anugerah Pengarah Harapan menerusi filem Mr Cinderella. Teruskan perjuangan! Dan jadikan kemenangan itu sebagai azimat dalam memperkasakan diri. Dunia filem amat memerlukan pelapis seperti anda.

Kepada Rosyam Nor Aktor Terbaik (KL Menjerit) dan Umie Aida Aktres Terbaik (Embun), sekalung tahniah atas kejayaan anda. Bagi saya kemenangan anda memang telah diduga. Anda berdua memang hebat! Kepada Erma, jangan kecewa kerana Embun gagal meraih anugerah pengarah dan filem terbaik. Mungkin nasib dan rezeki tidak menyebelahi anda. Apa pun teruskan berkarya! Anda telah membuktikan seorang pengarah wanita mampu membuat sebuah filem epik yang hebat. Kepada Finas dan Filem Negara yang menerbitkan filem Embun harapan saya semoga usaha murni untuk mendaulatkan filem tempatan diteruskan.

Meskipun FFM16 adalah event perfileman untuk menghargai penggiat filem hari ini tetapi apa yang menarik, jasa orang lama tetap tidak dilupakan. Dua pelakon veteran telah diberi trofi penghargaan dengan gelaran Seniman dan Seniwati Sepanjang Zaman. Aziz Jaafar dipilih dalam kategori Seniman Sepanjang Zaman dan Datin Rosnani diiktiraf sebagai Seniwati Sepanjang Zaman. Bagi saya pengiktirafan kepada dua bintang veteran itu amat wajar kerana sumbangan besar dan bakti mereka dalam dunia perfileman Melayu.

Pengiktirafan itu sebenarnya sudah lama diwujudkan dalam beberapa FFM yang telah lalu. Datuk L Krishnan, Kasma Booty, S Kadarisman, Siti Tanjung Perak, Mustapha Maarof, Datuk Jins Shamsudin, Mariam, Ali Rahman, Aziz Sattar, Datin Saadiah, Datuk Sarimah adalah di antara seniman dan seniwati zaman silam yang telah dihargai jasa dan sumbangan mereka.

Setiap penggiat perfileman hari ini patut bangga dengan pengekalan pengiktirafan itu. Ini menunjukkan perjuangan orang filem, baru dan lama, tidak pernah dilupakan. Ia juga menandakan satu masa akan datang jasa dan bakti orang filem hari ini akan dihargai.

Daripada pengamatan saya, Finas sebagai penganjur FFM16 berjaya menggembungkan tenaga seluruh persatuan perfileman yang ada di negara (khususnya Persatuan Filem Malaysia) untuk menjayakan FFM16. Hasilnya, FFM16 dapat dilaksanakan walaupun sebelum ini timbul keributan dan kontroversi siapa yang layak menganjurkannya. Tahniah Finas!

Harapan saya semoga dunia perfileman kita terus gemilang walaupun semakin banyak cabaran yang mendatang. Saya berharap golongan karyawan muda hari ini akan terus berjuang dengan prinsip dan keyakinan masing-masing. Dalam masa yang sama mereka mesti menghormati generasi lama. Ambillah ilmu dan pengalaman mereka dan sesuaikanlah mengikut peredaran masa.

Jangan sekali-kali kita memperlekehkan sumbangan besar mereka kepada industri perfileman di masa lalu. Tanpa mereka tidak wujudlah filem Melayu hari ini. Sementara itu kita amat mengharap sokongan dan galakan dari

generasi lama demi membakar semangat untuk generasi hari ini meneruskan perjuangan.